

SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KETIGA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN
PERSIDANGAN KEEMPAT
4 DISEMBER 2024 (RABU)

1. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (*TEBING TINGGI*)

Lawatan Delegasi TYT Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Perak mendapat liputan baik dalam media; Mohon mendapat perincian dalam Dewan Negeri.

2. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (*AYER KUNING*)

Pelaksanaan projek keterjaminan makanan dalam Daerah Batang Padang telah menjadi keutamaan perancangan Perak Sejahtera 2030 yang masih tidak menunjuk kan perubahan ke arah pelan rancangan kerajaan negeri sehingga ke hari ini.

1. Apakah status projek keterjaminan makanan dalam Daerah Batang Padang?
2. Sejauh mana penglibatan pemain industri skala besar dalam memastikan projek keterjaminan makanan ini dapat menyumbang hasil ekonomi setempat?
3. Apakah kriteria pemain industri yang akan dibantu oleh pihak PTG bagi memastikan program keterjaminan makanan mengkit perancangan Perak Sejahtera 2030?

3. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (*MANJOI*)

SILVER VALLEY TECHNOLOGY PARK (SVTP).

- i. Apakah status kemajuan kerja terkini SVTP?
- ii. Apakah halangan utama yang menghalang pertumbuhan industri di Perak dan apakah penyelesaian yang ditawarkan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi halangan tersebut?

4. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (*PENKALAN HULU*)

BANTUAN BENCANA ALAM DI NEGERI PERAK

- a. Adakah kerajaan berhasrat untuk segerakan bantuan wang ehsan kepada mangsa bencana tanpa perlu menunggu tempoh masa yang lama?
- b. Adakah kerajaan negeri dapat menyediakan peruntukan khusus melibatkan kerja-kerja baik pulih sekiranya bencana yang berlaku itu menyebabkan kerosakan struktur rumah mangsa?

5. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

KESIHATAN MENTAL

1. Nyatakan statistik individu yang telah mendaftar dan mendapatkan khidmat pemeriksaan kesihatan mental di klinik kesihatan di negeri Perak bagi tahun 2022 dan 2023?
2. Nyatakan jumlah lokasi pemeriksaan kesihatan mental di negeri Perak mengikut daerah?
3. Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan frekuensi pemeriksaan kesihatan mental di negeri Perak?

6. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Isu Perkampungan Riadah dan Budaya Qing Xin Ling

Pada bulan April tahun ini telah berlaku runtuh bongkah batu di kawasan Perkampungan Riadah dan Budaya Qing Xin Ling yang mengakibatkan kemalangan jiwa.

Apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelakkan kejadian sebegini berlaku di kawasan gua dan kaki bukit negeri Perak?

7. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Apakah perancangan kerajaan Negeri Perak terhadap golongan miskin atau tidak berkemampuan yang membina kediaman di tanah rezab dan sungai dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

- a) Nyatakan statistik atau jumlah penduduk yang mendirikan rumah di tanah rezab jalan dan sungai bagi seluruh penduduk negeri Perak.

8. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

- a) Nyatakan status perancangan bagi pembangunan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Perak?
- b) Apakah status menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah? Apakah laluan penerbangan baru yang akan diadakan di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah?

9. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

- a) Mohon nyatakan langkah konkrit yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian, khususnya dalam menghadapi perubahan iklim.

- b) Minta nyatakan bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk memastikan amalan pertanian yang lestari dan mampu bertahan dalam jangka panjang, khususnya dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan kekurangan sumber air?

10. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Sejauh manakah perancangan negeri Perak bagi memastikan tapak kawasan-kawasan perindustrian di negeri Perak ini dapat dioptimumkan penggunaannya dalam usaha meningkatkan KDNK Negeri Perak ke arah yang lebih memberangsangkan?

- a. Mohon dapat dinyatakan senarai kawasan perindustrian di negeri Perak dan berapakah jumlah kekosongan tapak industri yang tidak dibangunkan daripada senarai tersebut?
- b. Apakah usaha yang dilakukan bagi meningkatkan pelaburan masuk bagi kawasan perindustrian seperti di LUMIC, SILVER VALLEY, AHTV, Taman Perindustrian Kamunting dan yang terkini di KIGIP?

11. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

Kesihatan.

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Perak untuk meningkatkan kesedaran dan perkhidmatan berkaitan kesihatan mental?
- b) Apakah program yang sediaada untuk membantu individu yang menghadapi masalah kesihatan mental?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Perak melibatkan komuniti dalam memerangi stigma kesihatan mental?

12. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN DATUK YAHYA (RUNGKUP)

Non Radioactive Rare Earth Element (NRREE) adalah sumber pendapatan baru negeri Perak.

- a. Majoriti kawasan NRREE ini berada di dalam kawasan hutan simpan. Adakah difahamkan bahawa polisi Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan sebarang perlombongan di dalam kawasan hutan simpan. Maka apakah penyelesaian utk negeri Perak mengeluarkan NRREE daripada kawasan-kawasan hutan simpannya?
- b. Apakah status pusat pemprosesan NRREE di Simpang Pulai? Apakah produk hiliran NRREE yang akan dihasilkan di pusat pemprosesan tersebut?

13. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Apakah perancangan kerajaan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh dan menambahkan jumlah penerbangan harian dari lapangan terbang ini?

14. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (*KENERING*)

Berapakah jumlah pengeluaran NR-REE dan nilainya yang telah dieksport ke China sejak ia beroperasi hingga kini?

15. YB PUAN WONG CHAI YI (*SIMPANG PULAI*)

Ekonomi Digital dan Smart City

Apakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri Perak untuk menghadapi transformasi ekonomi digital dan membangunkan Agenda Nasional Bandar Pintar?

16. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (*BEHRANG*)

Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk memperkasa ekonomi masyarakat Orang Asli melalui program pembangunan komuniti atau latihan keusahawanan? Berapakah peruntukan yang disediakan untuk tujuan ini?

17. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (*CHANGKAT JERING*)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tanah dan rumah PPRT Larut Permai, di Mukim Pengkalan Aur, Daerah Larut Matang dan Selama yang tergendala sekian lama disebabkan pihak berkenaan (konsortium) tidak mampu untuk meneruskan projek tersebut mengikut perjanjian yang telah dibuat bersama penduduk berkenaan?

18. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (*KUALA KURAU*)

Apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang usaha kerajaan dalam mencegah kejadian banjir kilat yang kerap berlaku di sekitar Pekan Parit Buntar?

19. YB ENCIK NGA KOR MING (*KEPAYANG*)

Pengangkutan Awam

- a. Sila nyatakan kadar penggunaan bas awam di laluan perjalanan yang sedia ada di bandar Ipoh;
- b. Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam mengembangkan atau mempopularkan penggunaan bas awam; dan
- c. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menambahkan kekerapan dan bilangan laluan perjalanan bas awam?

20. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (*PANGKOR*)

Walau pun diberi jolokan 'Bandar Maritim & Pelancongan', namun pekan Lumut dilihat tidak lagi menjadi tarikan pelancong, bahkan industri maritim. Aktiviti ekonomi juga suram apabila tidak ramai pengunjung ke sini melainkan pada hujung minggu atau cuti sekolah menyebabkan Lumut menjadi pekan mati. Justeru apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengembalikan populariti pekan pelancongan Lumut?

21. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Kegiatan Penggalian Bitcoin di negeri Perak telah menyebabkan bekalan elektrik terganggu dan menjejaskan kehidupan orang awam terutamanya di Daerah Manjung. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tersebut dan adakah Kerajaan Negeri bercadang melalui Pihak Berkuasa Tempatan menggubal undang-undang kecil supaya kegiatan Bitcoin dikawal selia?

22. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

HS Segari Melintang Apakah status cadangan kerajaan negeri pada tahun 2021 untuk mewartakan sebahagian HS Segari Melintang (Kompartmen 15) sebagai Hutan Simpan Perlindungan atau sekurang-kurangnya Hutan Rekreasi dalam usaha memelihara dan mengekalkan keunikan ekosistem di Hutan Pantai ini?